



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**28 MEI 2025 (RABU)**

## PPM RAMPAS DAGING SEJUK BEKU RM5 JUTA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	National	23	28 Mei

OP TARING KHAZANAH

# PPM rampas daging sejuk beku RM5 juta

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

Kuching

**P**asukan Polis Marin (PPM) merampas daging sejuk beku bernilai lebih RM5 juta dalam serbuan Op Taring Khazanah di Miri, Khamis lalu.

Pemangku Komander PPM Wilayah 5 Superintendant Rusdin Banin berkata, serbuan dilakukan di dua premis di Jalan Lopeng Bypass, Miri yang dijadikan sebagai stor penyimpanan daging sejuk beku.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati pelbagai jenis daging sejuk beku disyaki diimport untuk jualan tanpa dokumen yang sah.

**“Dalam serbuan pertama, seorang lelaki disyaki sebagai penjaga premis ditahan”**

*Pemangku Komander PPM Wilayah 5 Superintendant Rusdin Banin*



ANGGOTA PPM Wilayah 5 memeriksa premis penyimpanan daging sejuk beku di Miri.

“Dalam serbuan pertama, seorang lelaki disyaki sebagai penjaga premis sudah ditahan bagi membantu siasatan.

“Kami turut memeriksa sebuah lori lima tan yang dipandu oleh lelaki tempatan kerana membawa muatan pelbagai jenis daging sejuk beku disyaki diimport untuk jualan di pasaran tempatan tanpa do-

kumen yang sah,” katanya.

Katanya, dalam serbuan di sebuah premis berasingan yang dijadikan stor penyimpanan daging sejuk beku, pihaknya turut menahan seorang lagi lelaki dipercayai penjaga premis.

“Tangkapan dan rampasan dibuat mengikut Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 dan diserah kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk siasatan lanjut.

kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk siasatan lanjut.

“Siasatan juga dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta KPDN (Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan Larangan Import) 2021 dan Akta Pelesenan,” katanya.

Katanya, jumlah keseluruhan rampasan bernilai kira-kira RM5.4 juta.

# **TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR